

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 14 SEPTEMBER 2022
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 2

INISIATIF MALAYSIA DIGITAL RAIH PELABURAN RM42 BILION

Inisiatif Malaysia Digital raih RM42 bilion

Infrastruktur
taraf dunia
mampu lonjak
negara destinasi
pelaburan
utama ASEAN

Oleh Siti Aminah Mohd Yusof
bhnews@bh.com.my

Bayan Lepas: Infrastruktur ber-taraf dunia dengan ekosistem digital holistik disokong oleh bakat berpendidikan tinggi, mampu menjadikan Malaysia sebagai destinasi pelaburan digital utama di ASEAN, kata Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

Perdana Menteri berkata, negara juga berada dalam kedudukan terbaik untuk mencapai sasaran pelaburan digital RM70 bilion pada 2025, seperti yang digariskan dalam Rangka Tindakan Ekonomi Digital Malaysia (MyDIGITAL).

Katanya, Inisiatif Malaysia Digital (MD) yang dilancarkan Julai lalu, berjaya meraih nilai Pelaburan Digital Langsung Asing sebanyak RM42 bilion yang dijana melalui pelaburan sebanyak 28 syarikat asing terdiri daripada syarikat dalam sektor Pusat Data, Penyedia Perkhidmatan Teknologi Maklumat (IT), Teknologi Kandungan Kreatif dan Global Business Services (GBS).

"Kejayaan ini amat penting dalam proses pemulihan ekonomi negara kerana ia akan mewujudkan peluang pekerjaan berpengetahuan tinggi, membantu merancakkan inovasi seterusnya melonjakkan lagi ekonomi digital.

"Perkembangan pelaburan digital langsung domestik setakat 24 Ogos lalu sudah merekodkan sebanyak RM4.76 bilion," katanya ketika berucap di Kongres Teknologi dan Inovasi Dunia 2022 (WCIT 2022) di Pusat Konvensyen Setia SPICE di sini, semalam.

WCIT 2022 dihadiri lebih 4,000 peserta dari lebih 80 buah negara itu, dirasmikan Yang Di-Pertua Negeri Pulau Pinang, Tun Ahmad Fuzi Abdul Razak. Yang turut hadir Menteri Komunikasi



Ahmad Fuzi (tengah) bersama Ismail Sabri pada Pelancaran Kongres Inovasi dan Teknologi 2022 di Georgetown, semalam. (Foto BERNAMA)

dan Multimedia, Tan Sri Annuar Musa dan Ketua Menteri, Chow Kon Yeow.

Perdana Menteri berkata, Kongres Teknologi dan Inovasi Dunia 2022 membantu melonjakkan Malaysia sebagai negara digital berdaya saing, termasuk ekosistem teknologi dan inovasi.

Wujud peluang pekerjaan

Ismail Sabri berkata, menerusi usaha terbabit sebanyak 6,000 peluang pekerjaan bernilai tinggi sudah diwujudkan dan peluang seumpama itu akan terus meningkat pada masa akan datang.

Perdana Menteri turut berharap kerjasama rentas kementerian dengan agensi yang terjalin erat pada hari ini dapat dilipatgandakan dalam usaha merangsang ekosistem teknologi dan inovasi demi kemakmuran negara dan kesejahteraan rakyat.

"Teknologi digital berperanan penting dalam menangani isu perubahan iklim seperti dilaporkan Forum Ekonomi Dunia (WEF) dengan pemeraksanaan teknologi digital dapat mengurangkan 15 peratus pelepasan gas rumah hijau menjelang 2030.

"Keperluan memperkasakan teknologi digital bagi menangani isu sekuriti makanan negara dan tenaga misalnya pertanian pintar teknologi digital berupaya mengurangkan penggunaan buruh dan meningkatkan produktiviti, sekali gus menjamin rantaian bekalan makanan global yang mampan," katanya.

Dalam pada itu beliau melihat pandemik COVID-19 menjadi pendorong utama bidang teknologi digital dalam penjagaan kesihatan dengan penggunaannya bukan sahaja mampu membendung penularan wabak itu bah-

kan berupaya meningkatkan akses kepada kesedaran penyakit-penyakit lain serta risikonya termasuk kesihatan mental.

Terdahulu Ismail Sabri berkata, penganjuran WCIT 2022 dilihat mampu melonjakkan Malaysia sebagai negara digital berdaya saing pada masa yang sama ia berupaya memastikan Malaysia tidak ketinggalan dalam ekosistem teknologi dan inovasi.

"Kerajaan berharap WCIT 2022 ini dapat melakar sejarah baharu dalam menarik lebih banyak pelaburan digital asing sebagai usaha memacu sektor teknologi dan inovasi.

"Kerajaan juga berharap platform ini digunakan sebaik-baiknya dalam membincang, mengilham serta mencetuskan idea baharu dalam perkembangan teknologi dan inovasi negara ke per-sada antarabangsa," katanya.